

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	14/1/2020	MUKA SURAT : 29
JABATAN	:	IWK	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Teruskan hasrat ambil alih IWK

Kerajaan Selangor adakan beberapa rundingan dengan Pusat

Oleh MUHAMMAD AMINURRALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor tetap meneruskan hasrat untuk mengambil alih operasi syarikat pembangunan Indah Water Konsortium (IWK),

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, buat masa ini kerajaan negeri terus mengadakan beberapa rundingan berkaitan perkara itu.

“Pengambil alihan operasi IWK secara langsung bagi memastikan air dilepaskan memenuhi aspek yang ditetapkan.

“Buat masa ini rundingan terus dijalankan dengan kerajaan Persekutuan berkaitan soal ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir pada Majlis Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam Negeri Selangor di



AMIRUDIN

Dewan Jubli Perak di sini semalam.

Katanya, buat masa ini ketiadaan jaminan menyebabkan pihaknya terpaksa memikul tanggungjawab termasuk isu pencemaran bau.

“Kita akan teruskan sebab hasil keluaran IWK memberi kesan langsung kepada kualiti air yang akan mengalir ke pintu muka sauk.

“Kalau sudah beberapa kali tidak ada jaminan, adalah lebih baik kita uruskan dan tentukan kualiti air sendiri. Masalahnya kualiti itu tidak ditentukan,” katanya.

Pada 24 Disember 2019, Amirudin berkata, Air Selangor bercadang mahu menguruskan sendiri syarikat pembangunan IWK dalam usaha menelaraskan prosedur operasi standard (SOP) antara kedua-dua agensi yang saling berkepentingan.

Cadangan itu ditimbulkan susulan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sepenuhnya pada 21 Disember 2019 ekoran insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih yang berpunca daripada perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu yang membuang bahan sisa buangan haram dengan bau pelarut di lurang pembetungan sekitar loji milik IWK di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.